

# Bebas berhariraya

SEPERTI yang dijangka oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, tindakan Kerajaan membebaskan 21 tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri kelmarin nescaya merimbulkan berbagai tafsiran. Waktu dan jurilah yang dibebaskan serentak tanpa syara? Itu pasti dipersoalkan. Mengapakah, misalnya, pembebasan itu dibuat hanya baru dua minggu selepas Kerajaan baru di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkuasa? Adakah langkah ini menidahkan tindakan Kerajaan di masa lepas, atau pun menunjukkan perubahan sikap anti-komunis Malaysia? Memang membuat tafsiran yang sensasi serta berlawanan dengan kenyataan rasmi Kerajaan lebih mudah dan menarik. Analisa begini boleh mempopularkan penafsirannya. Mereka ini tidak peduli tafsiran salah itu akan mengurangkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan.

Tetapi tafsiran sebenarnya tidaklah lebih dari kenyataan Datuk Musa kelmarin. Pembebasan tahanan bukanlah amalan luar biasa. Dari tahun 1978 hingga awal Julai ini, Kerajaan telah membebaskan 726 tahanan — tidak termasuk 21 yang dibebaskan kelmarin — atau lebih 200 orang setahun. Ia dilakukan menurut perakuan Lembaga Penasihat bebas yang mengulangkaji kes tiap tahanan enam bulan sekali. Bahawa pembebasan 21 orang itu dibuat sebaik Pentadbiran Dr. Mahathir berkuasa adalah kebetulan saja, sempena Hari Raya Puasa. Adalah menjadi kebiasaan di mana-mana pun bagi Kerajaan membebaskan atau mengampunkan tahanan atau banduan bersempena dengan sesuatu perayaan penting. Kerana 13 daripada yang dibebaskan itu adalah Islam, dapatlah mereka berhariraya bersama keluarga pada waktunya. Jika pun tidak sekarang, mereka akan dibebaskan pada bila-bila masa berdasarkan syor dan perakuan Lembaga Penasihat.

Mengatakan pembebasan ini bukti perubahan sikap anti-komunis Kerajaan juga adalah berlawanan dengan kenyataan. Walaupun Kerajaan mendokong dasar luar yang berkecuali, tetapi ancaman komunis di dalam negeri dan di ambang pintu Malaysia, dan angkara muslihat komunis seperti di Afghanistan dan Kampuchea, tentunya tidak boleh melembutkan sikap Kerajaan terhadapnya. Tidak ada Kerajaan yang bersedia memejamkan mata terhadap anasir dan ancaman yang nyata bahayanya kepadanya dan kepada Negara. Seperti yang dibayangkan beberapa kali oleh Perdana Menteri kemakmuran dan ketenteraman yang dicapai sekarang akan terkorban jika sikap anti-komunis Kerajaan berubah lebih lembut. Jadi pembebasan kelmarin cumalah amalan perikemanusiaan Kerajaan menjelang Hari Raya, tetapi hanya terhadap mereka yang telah terbukti mengubah fikiran dan kecenderungan sendiri. Hakikat bahawa 705 orang lagi masih ditahan kerana belum berubah tidaklah harus dibelakangkan!